

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA (Dalam Negeri)

TARIKH : 9 FEBRUARI 2018

M/S : 4



NAJIB TUN RAZAK menerima cenderamata daripada **Maimunah Mohd. Sharif** sempena perasmian **WUF9** di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir **Noh Omar**. - **UTUSAN/AMIR HAFIZ ABD RAHMAN**

Malaysia kedudukan pertama di Asia

KUALA LUMPUR 8 Feb. - Malaysia yang disenaraikan pada kedudukan pertama negara ekonomi baharu muncul bagi keterangan di Asia berdasarkan laporan terkini Forum Ekonomi Dunia.

Perkara itu dijelaskan oleh Datuk Seri Najib Tun Razak yang memberitahu, rekod tersebut merupakan sesuatu yang boleh dibanggakan oleh rakyat Malaysia.

Perdana Menteri percaya kejayaan tersebut adalah hasil pelbagai program yang telah dirangka dan dilaksanakan oleh kerajaan bertujuan memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

"Kami telah menyediakan ratusan ribu rumah mampu milik, membantu golongan berpendapatan rendah, perkhidmatan perubatan yang sangat murah menerusi Klinik 1Malaysia, pengecualian cukai barangan dan perkhidmatan (GST) terhadap barangan makanan asas, kursus latihan serta insentif perniagaan terutamanya kepada perusahaan kecil dan seder-

ang belakang ekonomi negara," katanya.

Beliau berucap demikian semasa merasmikan Forum Bandar Sedunia Kesembilan (WUF9) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan Pengarah Eksekutif di UN-Habitat, Datuk Maimunah Mohd. Sharif.

Menyentuh mengenai kadar urbanisasi, Perdana Menteri menjangkakan berlaku peningkatan melebihi 85 peratus menjelang tahun 2050.

Beliau berkata, jangkaan itu adalah berdasarkan kepada Agenda Bandar Baharu yang diguna pakai di Quito, Ecuador pada 2016 yang menyasarkan populasi penduduk bandar di dunia meningkat dua kali ganda pada 2050, dengan kepadatan bandar yang hampir 70 peratus daripada populasi global.

"Buat masa ini kadar urbanisasi di Malaysia adalah 75 peratus berbanding hanya 30 peratus pada tahun 1970an," je-